



## NOTIS

04/2021

### **LANGKAH-LANGKAH INTERIM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI DALAM MEMBANTU SEKTOR SWASTA YANG BERKENAAN TERKESAN DARI COVID-19**

#### **Pemberian *tax discount* sebanyak 50% keatas Cukai Pendapatan Korporat bagi Tahun Taksiran 2022 kepada sektor yang terjejas**

Sukacita merujuk kepada kenyataan media mengenai Langkah-Langkah Interim Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam membantu Sektor Swasta yang berkenaan terkesan dari COVID-19 yang dikeluarkan pada 12hb Ogos 2021.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan kepada pembayar-pembayar cukai bahawa potongan cukai sebanyak 50% akan diberikan bagi Cukai Pendapatan Korporat (*Tax Payable*) Tahun Kewangan 2021 (Tahun Taksiran 2022) dengan memenuhi syarat-syarat berikut:

- 1) Pembayar cukai adalah daripada sektor tertentu yang disenaraikan seperti berikut:
  - a) Pelancongan;
  - b) *Hospitality* (termasuk *hotel* dan *lodging house* yang berdaftar);
  - c) Restoran dan kafe; dan
  - d) Pengangkutan Penumpang Udara dan Air (Ayer).
- 2) Pembayar cukai dikehendaki untuk memfailkan Penyata Cukai Pendapatan tidak lewat dari 30 Jun 2022 bersama Penyata Kewangan yang telah diaudit (*Audited Financial Statements*).
- 3) Pembayar cukai dikehendaki untuk membuat pembayaran cukai (jika ada) tidak lewat dari 30 Jun 2022.
- 4) Pembayar cukai dikehendaki untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan berkenaan dan membuat pembayaran cukai (jika ada) melalui laman sesawang [www.stars.gov.bn](http://www.stars.gov.bn).

Langkah-langkah interim ini mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2021.

Terima Kasih.



Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Tarikh: 23hb Ogos 2021